Taarif Ilmu Tauhid dan Agama

[Bermula ilmu tauhid itu] ibarat daripada perhimpunan barang yang dii'tiqadkan yang dibangsakan kepada agama yang diambilkan daripada dalilnya yang diyakinkan.

[Dan bicara] ilmu ini pada Zat Allah ﷻ daripada sekira-kira barang yang wajib bagiNya dan barang yang mustahil atasNya dan barang yang harus bagiNya dan pada segala Rasul demikian jua dan pada segala barang yang didatangkan dia oleh Rasul seperti Hari Kiamat dan lain-lain.

[Dan] faedah ilmu ini dapat kemenangan dan beruntung, oleh yang mengetahuinya selama-lama.

[Dan agama itu] ibarat daripada perhimpunan segala hukum yang dihantarkan dia oleh Allah ﷻ bagi segala hambanya yang mukallaf atas lidah RasulNya yang membawa akan mereka itu kepada kebajikan yang kekal.

[Dan] segala tanda agama empat:

[Pertama]: Sah i'tiqad iaitu **jazam** (جزم - pasti) dengan barang yang dii'tiqadkan dia oleh **Ahli Sunnah** (اهل السنة).

[Kedua]: Benar **qasod** (قصد - niat) iaitu menunaikan ibadat dengan ikhlas[2].

[Ketiga]: Menyempurnakan janji iaitu mengerjakan segala yang disuruh.

[Keempat]: Ketiadaan melampaui sengkat (سغكت - sekatan) iaitu meninggalkan segala yang dilarangkan.

---

2. **Menunaikan ibadat dengan ikhlas** (اخلاص) ertinya Mengerjakan dia serta ikhlas niat bagi Allah ﷻ dengan bahawa tiada disekutukan pada ibadat itu akan yang lain daripada Allah ﷻ. Firman Allah ﷻ (Surah Al-Kahfi: 110):

فَمَن كَانَ يَرۡجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلۡيَعۡمَلۡ عَمَلٗا صَٰلِحٗا وَلَا يُشۡرِكۡ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدَۢا ﴿١١٠﴾

"Maka sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya."

Dan telah **ikhtilaf** (اختلاف - berselisih) ulama' pada orang yang beramal yang menyengutui pada amalnya bagi Allah ﷻ akan perkerjaan dunia. Maka memilih **Ibn 'Abdus Salam** (ابن عبد السلام) dan lainnya akan bahawasanya tiada pahala baginya sekali-kali. Dan memilih (Imam) **Ghazali** (غزالى) bahawasanya dengan i'tibar sebab yang membangkitkan kepada amal itu, maka jika adalah yang terlebih banyaknya pekerjaan agama, maka dapat baginya pahala dengan qadarnya, atau adalah yang terlebih banyaknya pekerjaan dunia, maka tiada pahala baginya dan jika bersamaan keduanya nescaya gugur keduanya. Dan kalam **Ibn Hajar** (ابن حجر) di dalam **Hasyiyah Iidhah** (حَاشِيَه اِيْضَاح) cenderung kepada dapat pahala dengan qadar qasod (قصد مطلقا). Kerana firman Allah ﷻ:

فَمَن يَعۡمَلۡ مِثۡقَالَ ذَرَّةٍ خَيۡرٗا يَرَهُۥ ﴿٧﴾

"Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)."